

04 OCT 2003

OIC-EKSP0

EXPO OIC 2003 UTK RAPATKAN HUBUNGAN PERNIAGAAN DI KALANGAN NEGARA OIC

Oleh: Wan Nurzila Abdul Rahman

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Satu pameran mega, EXPO OIC 2003, yang akan diadakan bersempena dengan Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam (OIC) ke-10 minggu depan, dijangka menjana lebih banyak hubungan perdagangan dan pelaburan antara negara-negara Islam.

Datuk Rosle Jaamat, pengarah eksekutif F&R Exhibition and Conference Sdn Bhd, yang menganjurkan pameran itu berkata lebih 800 syarikat daripada 60 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan negara-negara bukan OIC akan mengambil bahagian dalam ekspo tersebut yang bermula daripada 14 hingga 19 Okt ini.

Rosle berkata EXPO OIC 2003 mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja dari negara OIC tetapi juga dari negara bukan anggota termasuk China, Perancis, Korea Selatan dan Taiwan.

"Ianya dijangka menjadi pameran terbesar di rantau ini merangkumi sejumlah besar negara dengan 90 syarikat dari Qatar, Pakistan 60 syarikat, India 35 syarikat serta dari Brunei dan Oman," katanya.

Pameran perdagangan itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Okt, akan menjadi yang pertama seumpamanya diadakan semasa sidang kemuncak OIC.

"Kami telah mengambil inisiatif untuk merealisasikan wawasan Dr Mahathir untuk mengadakan pameran bersempena dengan Sidang Kemuncak OIC, bagi mengumpulkan perniagaan Islam, suatu yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana negara OIC lain," kata Rosle.

Ekspo itu akan berfungsi sebagai wadah untuk membantu mewujudkan peluang bagi ahli perniagaan Malaysia dan negara-negara Islam untuk memanfaatkan pasaran antara satu sama lain, katanya.

"Usaha ini sejajar dengan wawasan Dr Mahathir untuk menyediakan satu platform yang bersesuaian bagi mewujudkan peluang perniagaan dalam dunia Islam," katanya.

Beliau berkata pameran itu juga disokong oleh menteri-menteri kerajaan dan agensi serta Bank Pembangunan Islam yang bersetuju menaja syarikat-syarikat daripada 12 negara menyertai pameran itu.

Menurutnya, ia juga merupakan peluang bagi perniagaan Malaysia khususnya untuk mempamerkan barangan mereka kerana kebanyakan negara Islam akan mengambil bahagian dan juga mempamerkan produk mereka.

"Dan harap-harap, Malaysia boleh mencapai matlamatnya menjadi hub bagi produk dari negara anggota OIC," katanya.

Beliau juga berharap perangkaian dan perkongsian antara syarikat-syarikat dari negara Islam akan dibentuk susulan daripada pameran itu.

Sehingga kini, hampir 100 peratus daripada sejumlah 20,000 meter persegi kawasan terbuka yang terletak bertentangan dengan Pusat Konvensyen Putrajaya di mana sidang kemuncak itu diadakan telah ditempah oleh peserta.

Pameran perdagangan itu diadakan di empat tingkat dan dibuka daripada 10 pagi hingga 6 petang dan masuk adalah percuma.

Pameran itu juga menyediakan satu kawasan khusus seluas 2,000 meter persegi bagi bazar antarabangsa di mana beribu-ribu produk daripada syarikat-syarikat kecil dari negara peserta akan dipamerkan.

F&R juga telah memeterai memorandum persefahaman dengan Aastha Internetworks Corp Sdn Bhd untuk menyiarkan secara langsung pameran itu menerusi Internet.

Ketua pegawai eksekutif Aastha Internetworks, Dr M. Duraichelvam,

berkata promosi pra-net akan dijalankan selama seminggu bermula 7 Okt, 2003 di url www.aasthanet.tv dan hyperlink to url fr-exhibitions-com.my

Beliau berkata syarikat itu juga mempromosikan Via Net Advertisement Flash and Banner dengan tawaran istimewa 50 peratus diberikan kepada 100 syarikat pertama yang mendaftar dengan syarikat itu.

Aastha Internetworks juga akan menyiarkan dalam internet majlis perasmian dan penutupan Persidangan OIC 2003 yang akan dihoskan oleh RTM.

-- BERNAMA

WNZ MR ZK